

Lawatan ke HQ, kilang dan ladang organik ganoderma yang merubah segalanya

Minggu lepas saya ada post tentang pertemuan dua pihak di antara pihak syarikat dan bakal-bakal usahawan dot... dot...dot.

Minggu ini kami telah mengatur satu pertemuan untuk merancang lawatan ke HQ, kilang dan ladang organik **ganoderma** terbesar di dunia. Perancangan di adakan pada 11-nov yang lepas. Pagi lagi kami sudah bertolak ke Alor Star. Singgah sebentar di Sg petani untuk mengambil dua orang rakan selain daripada berhenti minum pagi di sebuah restoran di Lot 88.

Agak terlewat hampir 1 jam di sebabkan asyik berbual di samping jalan yang jammed untuk ke HQ di Alor Star. Sampai di HQ, kami terus ke ladang terlebih dahulu sebab pada jam 1 petang pekerja di ladang berhenti untuk sesi makan tengahari.

Kena naik dua kereta sebab kesemuanya 8 orang – 4 orang yang datang dengan kereta saya dan satu lagi kereta Hj Ahmad yang turut di sertai oleh dua orang pihak pemasaran syarikat.

Dalam perjalanan ke ladang organik ganoderma di Napoh, hujan turut dengan lebat. Nasib baik sampai sahaja di ladang, hujan berhenti walaupun masih renyai-renyai.

Banyak yang dapat di pejalari di sini bagaimana penanaman organik **ganoderma** di jalankan. Kesemua bahan yang di gunakan adalah bahan semulajadi. Terdapat dalam 100 buah bangsal ganoderma di mana setiap satu boleh memuatkan 30,000 ganoderma yang akan di petik selepas berumur 3-4 bulan.

Selain daripada **ganoderma**, terdapat juga ginseng dan **cordiceps** di tanam di sini. Juga terdapat sebuah bangunan 12 tingkat yang di gunakan untuk memproses resepi ramuan kopi yang di

hasilkan oleh syarikat ini.

Apa yang lebih membuat kami teruja adalah pembinaan Discovery Tunnel yang memakan belanja RM35 juta. Di dalam Discovery Tunnel ini terdapat sebuah auditorium yang boleh memuatkan 3,000 orang yang berbentuk seperti teater. Pelawat boleh melihat demo penanaman **ganoderma** melalui kaca cermin yang di sediakan. Memang hebat bagi sebuah syarikat berasal dari Malaysia yang kini telah bertapak di lebih 68 buah negara.



Ganoderma yang di tanam dengan teknik gantungan



Bahagian tengah yang di gunakan untuk produk ganoderma



Di kawasan ladang organik ganoderma terbesar di dunia

Selepas selesai melawat ladang, kami ke kilang tetapi sebelum ini kami telah di maklumkan pada hari tersebut terdapat audit sedang di jalankan maka kami tidak di benarkan untuk masuk melawat. Jadi hanya bergambar di luar kilang sahaja !

Selepas makan tengahari kami mengadakan sessi perbincangan sekali lagi dan selepas 'kena" ganocafe Mocha kami telah membuat keputusan untuk "menaikkan" nama Mocha sebagai core produk yang akan di perkenalkan di dalam pasaran sedikit masa lagi.



masa untuk "meng-kaboom-kan" ganocafe Mocha

Maka bermula lah satu agenda baru di dalam bisnes networking

berkonsepkan “dropship networking”.

Jika berminat anda boleh mendaftar secara percuma di laman web Nexgen139 dengan klik di sini.

Nak tahu sistem online 100% kami, **dapatkan ebook percuma “Coffee Facebook dan Paycheck” dengan klik di sini .**

Atau anda boleh hubungi saya **khairul di 011-16746546** samada melalui panggilan telefon ataupun whatsapp.



Masa untuk memulakan satu lagi networking bisnes bersama Gano Excel

Salam sukses !